

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
SYARIKAT PERCETAKAN YAYASAN ISLAM  
TERENGGANO SDN. BHD.

WAAINI BINTI LAU

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2006

1100045108

Perpustakaan  
s dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)



LI 56 FPE 3 2006



1100045103

Laporan akhir latihan industri di Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd / Waaini Laiji.


PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU**

1100045103

21000 KUALA TERENGGANU  
**1100045103**

Lihat sebelah



LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI SYARIKAT PERCETAKAN

YAYASAN ISLAM TERENGGANU SDN. BHD

OLEH

WAAINI BINTI LAIJI

UK 10094

IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN

(PEMASARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI

KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)

2006

1100045103

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Waaini binti Laiji, No. Matrik UK 10094 mengaku bahawa Laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



Nama : WAAINI BINTI LAIJI

Tarikh : 14/NOVEMBER/2006

Disahkan oleh,



Cik Zuha Rosufila Abu Hasan

Penyelia Latihan Industri KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan & Ekonomi KUSTEM

Certified True Copy



Zuhra Rosufila Abu Hasan

Lecturer

Department of Management and Marketing

Faculty of Management and Economics

University College of Science and Technology Malaysia

## PENGHARGAAN

*Alhamdulillah*, pelatih mulakan dengan nama Allah S.W.T tanda kesyukuran ke atas kesempatan yang telah dikurniakan-Nya untuk pelatih menjalani latihan praktikal ini selama 12 minggu dan seterusnya menyiapkan laporan ini. Pelatih amat bersyukur kerana diberikan kudrat untuk menamatkan latihan praktikal ini tanpa ada halangan supaya pelatih dapat terus belajar dan menimba pengalaman sebagai persiapan pada masa akan datang.

*Syukran jazilan* kepada penyelia latihan industri di tempat pelatih menjalani latihan praktikal iaitu Tuan Haji Ramli bin Draman kerana telah banyak memberi tunjuk ajar kepada pelatih sepanjang pelatih menjalani latihan praktikal di Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd (SPYIT). Tidak lupa juga kepada semua warga Unit Pemasaran, Unit Setting & Grafik, Unit Kamera & Plate, Unit Mesin Cetak, Unit Jilid serta Unit Pembungkusan & Penghantaran jutaan terima kasih diucapkan. Segala tunjuk ajar, jasa dan budi baik yang telah mereka curahkan amatlah dihargai dalam membantu pelatih dalam menempuh pengalaman pertama yang mendedahkan pelatih kepada dunia pekerjaan.

Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada penyelia latihan industri KUSTEM, Cik Zuha Rosufila binti Abu Hasan yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada pelatih dan semua rakan-rakan. Beliau telah banyak memberi garis panduan sebagai persediaan untuk pelatih menjalani latihan praktikal. Tugas beliau bukan saja bermula sebelum pelatih memulakan latihan industri lagi,

malah berterusan sehingga pelatih tamat latihan industri dan terlanjut sehingga selesai permarkahan keseluruhan diberi.

Akhir sekali tidak lupa juga kepada semua rakan seperjuangan kerana saling membantu untuk menjayakan tugas ini.

## **DEDIKASI**

Kepada kedua ibubapaku yang disayangi Encik Laiji dan Puan Apsah, adik-beradikku, para pensyarah, kakitangan SPYIT, rakan seperjuangan, semua pihak yang terlibat secara langsung dalam penghasilan buku laporan ini. Kuhadiahkan buku ini untuk kalian. Terima kasih yang tidak terhingga.

## ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

PENGHARGAAN	ii
DEDIKASI	iv
SENARAI GAMBARAJAH	vii
SENARAI JADUAL	viii
RINGKASAN EKSEKUTIF	ix

### BAB SATU

#### 1.0 LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1 PENGENALAN	
1.1.1 SEJARAH DAN LATAR BELAKANG SPYIT	1
1.2 MAKLUMAT ORGANISASI	4
1.3 CARTA ORGANISASI	5
1.4 AKTIVITI ORGANISASI	7
1.4.1 BIDANG TUGAS UNIT PEMASARAN	8
1.4.2 BIDANG TUGAS UNIT SETTING & GRAFIK	8
1.4.3 BIDANG TUGAS UNIT KAMERA & PLATE	11
1.4.4 BIDANG TUGAS UNIT MESIN CETAK	12
1.4.5 BIDANG TUGAS UNIT JILID	13
1.4.6 BIDANG TUGAS UNIT PEMBUNGKUSAN & PENGHANTARAN	15
1.5 TUMPUAN PASARAN	17
1.6 PENDEKATAN UNTUK MEMAJUKAN SPYIT	18
1.6.1 POLISI KUALITI SPYIT	19
1.6.2 PERANCANGAN MASA HADAPAN	19
1.7 KEMAHIRAN YANG DIPELAJARI	21
1.7.1 Pengalaman Kerja	21
1.7.2 Bekerja Mengikut Struktur Organisasi	22
1.7.3 Mesyuarat Ketua-Ketua Unit	22
1.7.4 Kemahiran Berkommunikasi	23
1.7.5 Mengemaskini Doket Kerja	23
1.7.6 Memasukkan Data ( <i>Key-In Data</i> )	23
1.8 ANALISIS SWOT	24
1.8.1 Ringkasan Analisis SWOT	25
1.8.2 Kekuatan (Strength)	26

1.8.3	Kelemahan (Weakness)	29
1.8.4	Peluang (Oppurtunity)	31
1.8.5	Ancaman (Threats)	33
<b>BAB DUA</b>		
<b>2.0</b>	<b>MENGENALPASTI SISTEM, MASALAH, CADANGAN PENYELESAIAN, DAN IMPLIKASI</b>	<b>35</b>
<b>2.1</b>	<b>PENGENALAN</b>	<b>35</b>
<b>2.2</b>	<b>SISTEM UNIT PEMASARAN SPYIT</b>	<b>37</b>
<b>2.2.1</b>	<b>ANALISA MASALAH</b>	<b>39</b>
<b>2.2.2</b>	<b>CADANGAN PENYELESAIAN</b>	<b>42</b>
<b>2.2.3</b>	<b>IMPLIKASI</b>	<b>45</b>
<b>2.3</b>	<b>SISTEM KERJA UNIT KAMERA &amp; PLATE</b>	<b>46</b>
<b>2.3.1</b>	<b>ANALISA MASALAH</b>	<b>48</b>
<b>2.3.2</b>	<b>CADANGAN KAEDAH PENYELESAIAN</b>	<b>49</b>
<b>2.3.3</b>	<b>IMPLIKASI</b>	<b>50</b>
<b>2.4</b>	<b>SISTEM KERJA UNIT MESIN CETAK</b>	<b>51</b>
<b>2.4.1</b>	<b>ANALISA MASALAH</b>	<b>53</b>
<b>2.4.2</b>	<b>CADANGAN PENYELESAIAN</b>	<b>56</b>
<b>2.4.3</b>	<b>IMPLIKASI</b>	<b>57</b>
<b>BAB TIGA</b>		
<b>3.0</b>	<b>PENUTUP</b>	<b>58</b>
<b>RUJUKAN</b>		
<b>LAMPIRAN</b>		

## **SENARAI GAMBARAJAH**

- Gambarajah 1.1 : Logo SPYIT
- Gambarajah 1.2 : Carta Organisasi Ahli Lembaga Pengarah SPYIT
- Gambarajah 1.3 : Carta Organisasi Kakitangan Syarikat SPYIT
- Gambarajah 2.1 : Carta Alir Sistem Kerja Unit Pemasaran
- Gambarajah 2.2 : Carta Alir Sistem Kerja Unit Kamera & Plate
- Gambarajah 2.3 : Carta Alir Sistem Kerja Unit Mesin Cetak

## **SENARAI JADUAL**

**Jadual 1.1 : Analisis SWOT SPYIT**

**Jadual 2.1 : Jenis Mesin Cetak dan Kapasiti Pengeluaran**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Penting bagi para pelajar untuk dide dahakan kepada situasi sebenar tentang apa yang telah dipelajari di dalam bilik kuliah. Sebagai pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), latihan industri ini telah diwujudkan bagi menepati beberapa objektif, iaitu sebagai salah satu cara untuk mendalami bidang Pengurusan Pemasaran yang sebenar di luar universiti, memahami kepentingan ilmu yang dipelajari dan menggunakan di dalam alam budaya kerja yang akan dihadapi oleh setiap pelajar selepas tamat pengajian nanti. Tambahan pula, program yang telah pelatih pelajari ini adalah satu bidang yang penting dan amat meluas, merangkumi pelbagai aspek seperti perancangan, analisis, pengawalan dan beberapa aspek yang telah pelatih pelajari semasa berada dalam bilik kuliah. Maka setelah mempertimbangkan beberapa nilai mengikut kesesuaian dan minat, pelatih telah memilih Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd (SPYIT) sebagai lokasi untuk menjalankan latihan industri.

Alhamdulillah, pelatih telah dapat memperluaskan lagi pengalaman dan secara tidak langsung dapat mengaplikasikan beberapa perkara yang telah dipelajari semasa berada di universiti. Aktiviti yang telah pelatih lalui semasa latihan praktikal di SPYIT telah dirakamkan di dalam laporan ini. Sesungguhnya pelatih berasa amat bertuah kerana telah berjaya menamatkan latihan praktikal ini sebagaimana yang telah dirancang.

SPYIT merupakan sebuah syarikat percetakan terbesar di kawasan pantai timur Malaysia, dan ia merupakan salah sebuah syarikat terbesar di Malaysia. Syarikat ini dahulunya dikenali sebagai Kompleks Percetakan Yayasan Islam Negeri Terengganu dan telah dibuka pada April 1982. Ianya merupakan sebuah badan berkanun di bawah Enakmen Kerajaan Negeri Terengganu. Setelah diswastakan namanya telah ditukar kepada Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd (SPYIT) sepetimana yang digunakan pada ketika ini. Ekuiti syarikat ini dimiliki sepenuhnya oleh Yayasan Islam Negeri Terengganu.

Perkhidmatan percetakan telah menjadi satu keperluan kepada masyarakat, dan bagi memenuhi permintaan untuk perkhidmatan ini, SPYIT berusaha menawarkan dan menyediakan perkhidmatan percetakan terbaik yang berkualiti kepada setiap pelanggannya.

Mencetak segala jenis bahan cetak am adalah menjadi aktiviti utama yang dijalankan di syarikat ini. SPYIT bersedia memberi perkhidmatan seperti aturhuruf (rumi, jawi, arab) dalam bentuk laser, bromide dan filem serta membuat sebarang rekabentuk proposal, kulital-quran, taqwim, buku cenderamata, phamplet, poster, kalender, logo, iklan-iklan dan sebagainya. Selain itu, SPYIT juga ada menyediakan kemudahan perkhidmatan yang lain contohnya membuat proses pisah warna (*color separation*) dengan menggunakan kelengkapan mesin yang canggih untuk kerja-kerja filem, ‘strip-in’, ‘maskin’g dan membuat plate.

Bagi kerja-kerja dalam proses akhir percetakan, syarikat berkeupayaan memberi khidmat kepada pelanggannya iaitu dalam melakukan semua jenis bentuk penjilidan

termasuk membuat ‘hard cover’, ‘soft cover’, ‘saddle’, ‘perfect’ dan jahit dengan kecanggihan dan kelengkapan moden. Di SPYIT, terdapat 8 unit bidang kerja yang berlainan tetapi mempunyai fungsi yang saling berkaitan diantara setiap proses percetakan. Pasaran sasaran pelanggan bagi syarikat ini adalah badan-badan kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan individu yang merangkumi kesemua lapisan masyarakat.